

MEMO

Tarikh: 7 Disember 2020

Kepada: Y.Bhg. Dato' Abdul Latif Hj. Abu Seman
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Daripada: Muhd Adha Abd Hamid
Pengurus
Unit NCS, PCD

Disokong oleh: Encik Zahid Ismail
Timbalan Ketua Pengarah
MPC

Tajuk: Memohon kelulusan untuk memproses Borang Permohonan Perolehan bagi Pembayaran kepada Moderator Bengkel Strategik Untuk Meningkatkan Indeks Daya Saing Malaysia Bagi Indikator Research & Development (R&D) Expenditure Dalam Global Competitiveness Report (GCR)

Assalamualaikum.

Y.Bhg. Dato',

Merujuk saya kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Unit NCS, PCD akan menjalankan **Bengkel Strategik Untuk Meningkatkan Indeks Daya Saing Malaysia Bagi Indikator Research & Development (R&D) Expenditure Dalam Global Competitiveness Report (GCR)** dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Pada mulanya, bengkel ini adalah dirancang dibuat secara fizikal pada bulan Oktober 2020. Walau bagaimanapun, disebabkan Perintah Kawal Pergerakan Bersyarat (PKPB) telah disambung sehingga 6 Disember 2020 pihak MOSTI perlu menangguhkan sesi ini sehingga mendapat kelulusan pihak pengurusan. Oleh demikian, pihak MOSTI telah menetapkan tarikh untuk menjalankan program ini pada 10 – 11 Disember 2020. Jumlah peserta yang telah disahkan oleh pihak MOSTI adalah seramai 60 orang. Oleh demikian, memandangkan sesi ini perlukan beberapa breakout rooms, penambahan moderator seramai 3 orang adalah diperlukan bagi memantau beberapa kumpulan tersebut.

3. Sehubungan dengan itu, kami dengan rendah hati ingin memohon pertimbangan YBhg. Dato' untuk meluluskan permohonan baharu ini bagi membolehkan kami mengisi eRO bagi tujuan pembayaran kepada pembekal. Segala perhatian dan pertimbangan YBhg. Dato' dalam perkara ini kami ucapkan sebanyak terima kasih.

Dipohon oleh:



.....
(MUHD ADHA ABD HAMID)
PENGURUS
UNIT NCS, PCD

Disemak oleh:



.....
(MOHAMAD MUZAFAR ABDUL HAMID)
TIMBALAN PENGARAH
UNIT NCS, PCD

Disokong oleh:



.....
(ZAHID ISMAIL)
TIMBALAN KETUA PENGARAH
MPC

Diluluskan oleh:



.....
(DATO' ABDUL LATIF HAJI ABU SEMAN)
KETUA PENGARAH
MPC